

31 MAY 2002
Agong-Tahlil (Bergambar)
MAJLIS TAHLIL SEMPENA KEPUTERAAN AGONG

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Satu majlis tahlil sempena keputeraan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Sirajuddin Syed Putra Jamalullail esok diadakan di Masjid Negara di sini malam ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara orang kenamaan, menteri-menteri kabinet beragama Islam dan rakyat yang menghadiri majlis tersebut yang bermula selepas solat maghrib.

Seri Paduka Baginda yang berangkat tiba kemudian dengan Raja Permaisuri Agong, menyertai jemaah menunaikan solat Isya yang diikuti dengan jamuan makan.

--BERNAMA
MAD ZS ZB